



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEMATANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH ATAS**

MOHD. YAZID B BUNTAL

FPP 1997 37

**KEMATANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH ATAS**

Oleh

MOHD. YAZID B BUNTAL

**Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Oktober 1997



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan hidayat dan 'inayatNYA, penulisan projek ini dapat disempunakan jua.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Sidek b Mohd. Noah, Jabatan Pengajian Pendidikan, UPM, yang telah membimbing dan menyelia saya dalam usaha menjalankan kajian ini dari awal hingga akhir.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak-pihak berikut yang telah memberikan kebenaran dan kerja sama untuk menjayakan kajian ini:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia,
2. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus,
3. Pengetua-Pengetua, Kaunselor-Kaunselor dan Pelajar-Pelajar;

SM Agama Persekutuan, Labu,

SMKA Sheikh Haji Mohd. Said, Seremban,

SMK Dato Abdullah, Astana Raja,

SMK Zaba, Kuala Pilah, dan

semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Kerjasama semua pihak amatlah dihargai Sekian.

Mohd. Yazid B Buntal.



DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	xi
BAB	
I PENGENALAN KAJIAN	
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	3
Pernyataan Masalah	10
Tujuan Kajian	
Tujuan Umum	11
Tujuan Khusus	12
Signifikasi Kajian	16
Pendekatan Teori	18
Definisi Operasional	
Kematangan Kerjaya	26
Jurusan Sains dan Bukan Sains	29
Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama	30



Hipotesis Kajian	
Faktor Jantina	
Hipotesis Umum	31
Hipotesis Khusus	31
Faktor Jurusan	
Hipotesis Umum	32
Hipotesis Khusus	32
Faktor Aliran	
Hipotesis Umum	34
Hipotesis Khusus	34
Faktor Sekolah	
Hipotesis Umum	35
Hipotesis Khusus	35
II KAJIAN-KAJIAN LEPAS	
Pengenalan	37
Kajian-Kajian Dalam Negeri	37
Kajian-Kajian Luar Negeri	39
III METOD KAJIAN	
Pengenalan	47
Alat Kajian	48
Inventori Kematangan Kerjaya	48

Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukur	
Kesahan	57
Kebolehpercayaan	61
Pemarkatan dan Interpretasi Skor	64
Skop dan Limitasi	65
Subjek Kajian	65
Prosedur Kajian	66
Latar Belakang Sekolah	67
Penganalisan Data	68
IV KEPUTUSAN KAJIAN	
Pengenalan	73
Keputusan Kajian	
Kematangan Kerjaya Berasaskan Jantina	74
Kematangan Kerjaya Berasaskan Jurusan	78
Kematangan Kerjaya Berasaskan Aliran	81
Kematangan Kerjaya Berasaskan Sekolah	85
Rumusan Kepada Kajian	92
Kematangan Kerjaya Berasaskan Jantina	93
Kematangan Kerjaya Berasaskan Jurusan	94
Kematangan Kerjaya Berasaskan Aliran	95
Kematangan Kerjaya Berasaskan Sekolah	96

V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN	
	Pengenalan	98
	Perbincangan	98
	Faktor Jantina	99
	Faktor Jurusan	101
	Faktor Aliran	103
	Faktor Sekolah	105
	Implikasi Kajian	109
	Aplikasi Kajian	110
	Kesimpulan Kajian	112
	Cadangan	113
	BIBLIOGRAFI	116
	LAMPIRAN	
	A Alat Kajian - Soalselidik	122
	B Borang Jawapan Soalselidik	175
	C Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan	177
	D Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan	179



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Keesahan hubungan-kriteria untuk skala sikap	54
2. Pekali Ketekalan Dalamam Ujian Sikap	62
3. Pekali Ketekalan Dalamam Ujian Kecekapan	62
4. Pekali alpha Cronbach Kematangan Kerjaya	63
5. Penganalisaan Data Statistik	69
6. Keputusan Analisis Ujian-T Kematangan Kerjaya Berasaskan Jantina	75
7. Keputusan Analisis Ujian-T Kematangan Kerjaya Berasaskan Jurusan	80
8. Keputusan Analisis Ujian-T Kematangan Kerjaya Berasaskan Aliran	82
9. Keputusan Analisis Varian Kematangan Kerjaya Berasaskan Sekolah	86
10. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Kematangan Kerjaya Keseluruhan	87
11. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Sikap	88
12. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Kecekapan Keseluruhan	88
13. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Penilai Kendiri	89
14. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Pengetahuan Tentang Pekerjaan	90



15. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Pemilihan Kerjaya	90
16. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Perancangan Kerjaya	91
17. Keputusan Ujian Pelbagai Julat untuk Penyelesaian Masalah	92



Abstrak kertas projek yang dikemukakan bagi memenuhi sebahagian syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains Pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

**KEMATANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH ATAS**

Oleh

MOHD. YAZID B BUNTAL

OKTOBER, 1997

Penyelia : DR. SIDEK B MOHD. NOAH

Fakulti : PENGAJIAN PENDIDIKAN

Ramai pelajar sekolah menengah atas didapati menghadapi masalah untuk memilih matapelajaran dan kerjaya masa depan. Untuk memahami masalah dengan lebih mendalam, kajian *ex-post facto* telah dibuat ke atas pelajar-pelajar tingkatan 4. di empat buah sekolah yang berlainan di Negeri Sembilan. Sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada sebuah sekolah agama berasrama penuh, sebuah sekolah agama harian, dua buah sekolah harian biasa. Semuanya adalah jenis sekolah bercampur dan mempunyai kelas sains dan bukan sains. Kumpulan sasaran kajian terdiri daripada 228 pelajar lelaki dan perempuan daripada seramai 420 pelajar yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis.

Alat kajian ialah satu soalselidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Biodata dan Inventori Kematangan Kerjaya (IKK). Dua jenis alat pengukur statistik telah digunakan iaitu ujian-t dan ANOVA pada aras



keertian .05. Ujian-t digunakan untuk menentukan perbezaan kematangan kerjaya antara pembolehubah-pembolehubah jantina, jurusan (sains dan bukan sains), dan jenis sekolah (aliran agama dan bukan aliran agama). ANOVA digunakan untuk menentukan perbezaan kematangan kerjaya antara empat sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah secara keseluruhan. Walau bagaimana pun tiada perbezaan yang signifikan dalam sikap antara jantina dan antara jurusan. Tiada perbezaan yang signifikan yang dilihat dalam mengenali diri antara jantina. Pada keseluruhannya skor min yang diperolehi daripada semua komponen dalam IKK untuk semua pembolehubah adalah sederhana. Ini menunjukkan bahawa kematangan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 4 adalah kurang memuaskan.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan betapa perlunya Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan Pendidikan Kerjaya sebagai satu matapelajaran dalam kurikulum sekolah sebagai satu usaha untuk membatu perkembangan dan kematangan kerjaya pelajar.

Abstract of project paper proposed to fulfill part of the requirements for Masters in Educational Science in the Faculty of Educational Study, University Putra Malaysia.

CAREER MATURITY AMONGST UPPER SECONDARY SCHOOL STUDENTS

By

MOHD YAZID B BUNTAL

OCTOBER, 1997

Penyelia : DR. SIDEK B MOHD. NOAH

Faculty : EDUCATIONAL STUDY

Many upper secondary school students are facing problems in selecting their subjects and careers for the future. To understand these problems more precisely, the *ex-post facto* study was conducted on form 4 students at four different schools in Negeri Sembilan. The schools are a residential school, a non-residential religious school, and two ordinary daily schools. All the schools are co-ed type of school and having science and non-science classes. The subject of the study are comprised of 228 male and female students who have been selected by using the stratified random sampling , from a total of 420 students.

The measuring instrument used in this study is a set of questionnaires which comprised of two parts i.e. Biodata and The Career Maturity Inventory (CMI). Two types of statistical tools have been employed i.e. the



t-test and ANOVA at the significant level of .05 . The t-test is being used to determine the difference in career maturity between the variables i.e. genders, streaming (science and non-science), and types of schools (religious and non-religious). The ANOVA is being used to determine the different career maturity between the four schools participating in the study.

The findings from the study showed that there was a significant difference amongst the variables in career maturity as a whole. However there was no significant difference in attitude between the sexes and between the science and non-science classes. There was also no significant difference noticeable in knowing oneself between the two sexes. Generally, the mean scores in all the components of CMI for all the variables in this study are fair, which shows that the career maturity amongst the form four students is still far from satisfactory.

In conclusion, these findings demonstrate the need for the subject of Career Education to be formally introduced in the school curriculum by the Ministry of Education Malaysia as an effort to assist in the development and career maturity of students.



BAB I

PENGENALAN KAJIAN

PENGENALAN

Kajian ini cuba melihat aspek kematangan kerjaya di kalangan pelajar tingkatan 4 di empat buah sekolah di Negeri Sembilan. Kajian juga ingin mengetahui perbezaan-perbezaan yang mungkin wujud antara faktor-faktor jantina, jurusan sains dan bukan sains, aliran agama dan bukan agama dan persekitaran sekolah yang berbeza.

Satu aspek yang amat penting dalam pemilihan kerjaya ialah kematangan kerjaya. Banyak kajian telah dibuat berkaitan dengan kematangan kerjaya. Rojewski (1994) cuba mengenalpasti perkaitan antara ketidakpastian kerjaya dengan kematangan kerjaya. Beliau mendapati jantina, bangsa, kemiskinan, rancangan “post-secondary”, pendidikan vokasional, dan ketidakpastian kerjaya adalah pembolehubah-pembolehubah penentu yang 75% tepat untuk digunakan bagi mengenalpasti kematangan dan ketidakmatangan kerjaya di kalangan 90 orang pelajar miskin gred 9 sekolah luar bandar. Bangsa dan ketidakpastian kerjaya adalah dua perkara

yang utama untuk menentukan ketidakmatangan kerjaya, manakala bangsa dan kemiskinan adalah dua faktor penting kepada kematangan kerjaya. Jantina didapati tidak penting secara relatifnya.

Pemilihan asas harus dibuat oleh lepasan sekolah menengah, sama ada untuk terus melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan. Membuat keputusan adalah satu proses yang rumit. Keputusan ini harus dibuat ketika mereka berumur 17 tahun (atau mungkin ketika berumur 15 tahun). Di peringkat usia yang muda ini mereka memerlukan berbagai maklumat serta bimbingan nasihat orang-orang yang penting kepada remaja ini seperti guru-guru, kaunselor dan ibu bapa untuk membantu membuat keputusan.

Menurut Gysbers (1987) menjelang abad ke 21 ini, dunia, tempat kita hidup dan bekerja menjadi semakin kompleks. Ledakan teknologi terus menerus memberikan kesan ke atas keadaan dan struktur dalam berbagai bidang termasuk perniagaan, industri, dan pekerjaan. Perubahan-perubahan ini memberi kesan ke atas kita sebagai individu dan ahli masyarakat. Perubahan-perubahan ini juga akan mempengaruhi anak-anak remaja yang berumur 17 tahun ini untuk membuat pemilihan kerjaya mereka. Perubahan-perubahan ini juga menuntut peningkatan kemahiran khidmat bantu yang boleh diberikan oleh ibu bapa, guru-guru, dan paling utama adalah kaunselor pelajar sendiri.

Memilih pekerjaan adalah satu proses penting dalam kehidupan manusia. Berbagai-bagai pekerjaan mungkin dipilih di sepanjang kehidupan dan ini melibatkan kerjaya seorang individu. Sekolah pula adalah tempat untuk individu menyediakan diri sebelum menceburi bidang kerjaya yang diminatinya.

Perkembangan kerjaya seseorang individu bermula dari ia dilahirkan sehinggalah meninggal dunia. Masa persekolahan adalah sebahagian daripada perkembangan tersebut. Aspek-aspek lain seperti kesedaran kerjaya, kematangan kerjaya, kemahiran membuat keputusan adalah sebahagian dari komponen perkembangan yang penting yang melibatkan kemahiran dan kebolehan individu untuk visualisasikan dan merancang kehidupannya.

Memilih kerjaya yang sesuai bukanlah sesuatu yang mudah. Pemilihan melibatkan satu rancangan penilaian yang melibatkan pengalaman hidup, keadaan-keadaan personal, harga-diri, halangan-halangan, ekspektasi-ekspektasi, dan perasaan-perasaan seseorang (Reixach, 1996).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pemilihan untuk ke aliran sains, teknik, atau sastera mungkin berbeza di antara sekolah-sekolah. Ada sekolah yang mengenakan syarat-syarat, yang hanya pelajar-pelajar cemerlang sahaja,

memperolehi pencapaian A dalam mata pelajaran Sains dan Matematik berpeluang untuk ke jurusan sains. Manakala kelulusan yang lain akan meneruskan pelajaran dalam aliran sastera atau teknik. Terdapat pula sekolah-sekolah yang membuka peluang untuk masuk ke jurusan sains dengan pencapaian yang lebih rendah.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Chong Choe Hin di sebuah sekolah menengah di Melaka, yang bertajuk: Kajian Tentang Status dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Jurusan Oleh Pelajar Tingkatan Empat Di Negeri Melaka (Jurnal Pendidikan, Jilid 38, Jun 1994) ke atas 300 pelajar (yang telah mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, (sekarang Penilaian Menengah Rendah), mendapati di antaranya:

1. 197 (65.7%) orang memilih jurusan sastera dan 103 (34.3%) orang memilih jurusan sains,
2. Wujud hubungan yang signifikan antara pencapaian Sains dan Matematik dengan pemilihan jurusan. Mereka yang mempunyai gred yang baik dalam Sains dan Matematik (A1, A2 dan C3) memilih jurusan sains dan yang kurang baik memilih jurusan sastera. Namun, ada juga pelajar yang baik pencapaian mereka di dalam sains dan matematik memilih jurusan sastera dan sebaliknya,
3. Seramai 213 pelajar (71.0%) menganggap bahawa sains merupakan satu mata pelajaran yang susah dipelajari berbanding dengan sastera,

4. Tiada hubungan yang signifikan wujud antara faktor jantina dengan pemilihan jurusan,
5. Wujud hubungan yang signifikan antara faktor kaum dengan pemilihan jurusan. Ramai pelajar Melayu dan India memilih jurusan sastera berbanding dengan pelajar Cina,
6. Tiada hubungan yang signifikan wujud antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar terhadap pemilihan jurusan,
7. Seramai 216 (72.0%) orang pelajar mengatakan pemilihan jurusan adalah pemilihan sendiri tanpa dipengaruhi oleh ibu bapa/abang/kakak/saudara, dan
8. Seramai 273 (91.1%) orang pelajar mengatakan pemilihan mereka dipengaruhi oleh faktor prospek kerja masa depan.

Dapatan dari kajian yang dibuat oleh Chong Choe Hin (1994) di atas tidak memperlihatkan wujudnya kematangan di dalam pemilihan jurusan yang tentunya melibatkan kematangan kerjaya juga. Dalam satu kajian luar negeri, Outen (1995), mendapati bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah tidak menyedari dan tidak bersedia untuk keperluan dunia pekerjaan sebenar. Mereka tidak berkebolehan untuk mengenalpasti kerjaya yang mereka minati dan melibatkan diri mahu pun memahami latihan-latihan yang perlu untuk berjaya dalam kerjaya masa depan mereka.. Terdapat kemungkinan yang besar bahawa kebanyakan pelajar-pelajar sekolah menengah kita juga mempunyai masalah yang sama seperti kajian

yang dibuat oleh Outen (1995). Menandakan bahwa perlu adanya Program Pendidikan Kerjaya di sekolah menengah.

Dalam teori-teori perkembangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi, usaha dibuat untuk menjelaskan pertumbuhan dan kematangan daripada lahirnya seorang manusia hingga meninggal dunia, ia akan melalui proses perubahan yang bersiri dan berperingkat-peringkat. Peringkat-peringkat awal menyediakan landasan yang kukuh untuk peringkat-peringkat yang kemudian. (Srebalus, Marinelli, dan Messing, 1982).

Terdapat banyak teori perkembangan yang dapat digunakan untuk menjelaskan perkembangan kerjaya, seperti yang dikemukakan oleh Erickson (1963), Havighurst (1953), dan Herr dan Cramer (1979) (dalam Srebalus, Marinelli, dan Messing, 1982).

Ginzberg (dalam Srebalus *et al.*) mengutarakan tiga jangka masa yang mempunyai tiga langkah dalam membuat keputusan kerjaya:

1. Jangka masa Fantasi (0-11 tahun). Kanak-kanak membayangkan diri mereka bekerja, berdasarkan kepada pengenalan keluarga atau rakan sebaya. Interpretasi mereka adalah ideal, bergaya, dan khayalan, seperti permainan yang dimainkan.
2. Jangkamasa Tentatif (11-17 tahun). Remaja mementingkan faktor-faktor yang subjektif dan personal seperti minat,

keupayaan, dan nilai sebagai keutamaan. Di akhir peringkat, iaitu *pemindahan*, semua faktor diintegrasikan.

3. Jangkamasa Realistik (17 - awal dewasa). Individu cuba mendekati alternatif yang berbagai-bagai. Ini adalah masa penerokaan yang diikuti dengan kristalisasi.

Super (1957) mengemukakan lima tahap dalam perkembangan kerjaya. Tahap-tahap itu ialah:

1. Peringkat Pertumbuhan (0-14 tahun)
2. Peringkat Penerokaan (15-25 tahun)
3. Peringkat Penubuhan (26-45 tahun)
4. Peringkat Pengekalan (46-65 tahun)
5. Peringkat Merosot (65- meninggal dunia)

Berdasarkan kepada dua teori perkembangan di atas, pelajar-pelajar di tingkatan empat, yang mempunyai purata umur 16 tahun, berada di peringkat tentatif (Ginsberg) atau penerokaan (Super). Selari dengan teori-teori ini, nyata bahawa amnya, mereka belum dapat membuat keputusan muktamad tentang pemilihan kerjaya yang ingin diceburi. Tetapi ketika ini, pelajar-pelajar harus dapat menentukan bidang untuk meneruskan pelajaran mereka. Mereka harus memilih sama ada sains, teknik, atau sastera.

Pencapaian, minat sendiri, dan kehendak ibu bapa mungkin boleh menjadi sebab yang membawa mereka berada di dalam dilema.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Mason (1993) mendapati keputusan kerjaya pelajar-pelajar gred 10 di sekolah luar bandar di Australia, kebanyakannya dipengaruhi oleh ibu mereka berbanding dengan sekolah atau guru-guru.

Dari pengalaman dan pemerhatian penyelidik sebagai seorang guru kaunseling, ramai pelajar tingkatan empat ini menghadapi masalah dalam pemilihan mata pelajaran yang akan menentukan bidang mereka. Mereka ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar. Kumpulan pertama terdiri daripada mereka yang tahu dan mula memahami bidang kerjaya yang mereka ingin ceburi. Mereka mula meneguhkan matlamat mereka pada ketika ini dan mengambil mata pelajaran yang berkaitan. Kumpulan kedua terdiri daripada mereka yang hanya mengikut sahaja pilihan yang dibuat oleh majoriti rakan-rakan yang lain. Pemilihan kerjaya mungkin berdasarkan pencapaian dalam peperiksaan mereka nanti. Kumpulan ketiga terdiri daripada mereka yang mempunyai pemilihan tetapi tidak selari dengan kehendak ibu bapa mereka. Pelajar-pelajar dalam kumpulan ini mungkin memendamkan sahaja apa yang diinginkan dan kebanyakan mereka itu hanya menuruti sahaja kehendak ibu bapa mereka.

Situasi ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan mereka tidak mempunyai kemahiran untuk memahami tentang diri dan kerjaya yang mereka inginkan. Sekiranya ini benar, implikasinya ialah,

sekolah akan menghasilkan individu yang berjaya di dalam bidang akademik, tetapi gagal untuk menjadi individu yang benar-benar bertanggungjawab di dalam bidang kerjaya yang mereka ceburi. Mereka tidak gembira dengan kerjaya mereka walaupun mungkin berpendapatan tinggi.

Kemungkinan juga ada di antara mereka gagal lebih awal lagi akibat dari memilih mata pelajaran-mata pelajaran yang salah. Akibatnya dalam jangka panjang nanti ialah kerajaan akan kerugian besar dari segi perbelanjaan, yang berjumlah berbelas juta ringgit setahun, kerana mendidik mereka dalam bidang yang tidak diminat, di samping kerugian masa dan tenaga yang dicurahkan oleh individu-individu yang begitu ramai terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Oleh yang demikian kajian ini cuba untuk melihat dengan mendalam berkaitan dengan kematangan kerjaya pelajar-pelajar di tingkatan 4 sekolah-sekolah menengah. Kematangan kerjaya adalah satu ciri yang penting dalam proses membuat keputusan untuk memilih bidang kerjaya yang tepat.

Adakah pelajar-pelajar yang berusia 15 atau 16 tahun ini telah matang dari segi membuat pemilihan kerjaya, bersesuaian dengan umur mereka? Adakah faktor-faktor jantina, jenis dan kedudukan

sekolah , aliran dan persekitaran mempengaruhi kematangan kerjaya mereka?

PERNYATAAN MASALAH

Selepas PMR (Peperiksaan Menengah Rendah), pelajar-pelajar akan meneruskan pendidikan menengah mereka ke tingkatan 4.

Ketika ini pemilihan mata pelajaran elektif sudah menampakkan arah bidang kerjaya mereka, iaitu sains, teknikal (vokasional) atau sastera. Masalahnya ialah sama ada mereka telah mempunyai kematangan kerjaya yang sesuai atau tidak. Adakah kematangan kerjaya mereka dipengaruhi oleh faktor-faktor:

- a) jantina?
- b) jurusan (sains dan bukan sains)?
- c) aliran (agama dan bukan agama)?
- d) jenis sekolah?

Empat faktor ini mungkin berhubung rapat dengan kematangan kerjaya seseorang pelajar. Pada ketika ini mereka seharusnya sudah berupaya untuk menentukan bidang kerjaya yang mereka ingin ceburi. Pemilihan bidang yang tidak tepat atau kurang sesuai akan mengakibatkan pembaziran masa, tenaga, dan kewangan. Oleh yang demikian pemilihan betul mempunyai kaitan secara langsung dengan kematangan kerjaya para pelajar di tingkatan 4 ini.

TUJUAN KAJIAN

Kematangan kerjaya adalah sangat penting untuk menentukan keupayaan pelajar-pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya. Kematangan kerjaya mungkin berbeza di kalangan pelajar, khususnya di tingkatan 4, bergantung kepada beberapa faktor. Kajian ini cuba melihat perbezaan-perbezaan tersebut berasaskan kepada faktor-faktor di bawah. Faktor-faktor ini menjadi pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini.

Tujuan Umum

1. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan kematangan kerjaya keseluruhan yang signifikan antara jantina,
2. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan kematangan kerjaya keseluruhan yang signifikan antara jurusan sains dan bukan sains (teknikal, dan sastera),
3. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan kematangan kerjaya keseluruhan yang signifikan antara pelajar sekolah aliran agama dengan pelajar bukan sekolah aliran agama,
4. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan kematangan kerjaya keseluruhan yang signifikan antara sekolah-sekolah bagi empat buah yang sekolah yang dikaji.

Tujuan Khusus

- 1a. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang sikap kematangan kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan.
- 1b. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang kecekapan kematangan kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan.
 - i. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang kecekapan kematangan kerjaya dari segi mengenal diri antara pelajar lelaki dan perempuan.
 - ii. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang kecekapan kematangan kerjaya dari segi pengetahuan tentang pekerjaan antara pelajar lelaki dan perempuan.
 - iii. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang kecekapan kematangan kerjaya dari segi pemilihan pekerjaan antara pelajar lelaki dan perempuan.
 - iv. Untuk mengkaji sama ada wujud perbezaan yang signifikan tentang kecekapan kematangan kerjaya dari segi perancangan kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan.